

## **TEKS UCAPAN PENGARAH**

**YANG BERUSAHA LT. KOL. NORIZAM BIN SEKAK**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP MINGGU  
TRANSFORMASI SISWA (MTS)  
POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**SESI I 2026/2027**

**DEWAN PLATINUM, POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA**

**25 JUN 2026**

**3.00 PM**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

**Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera,**

**Salam Malaysia MADANI,**

**Salam Melakaku Maju Jaya Rakyat Bahagia Menggamit Dunia,**

**Bijak Laksana Tuah, Berani Laksana Jebat,**

**Melaka Sayang Rakyat,**

**Salam #PMMWarriors.**

**YANG BERUSAHA TS. ZAN AIZUWAN BIN ZAINAL ABIDIN,**

**Timbalan Pengarah (Sokongan Akademik)**

**YANG BERUSAHA PUAN ZARIASYA BINTI JUMAAT,**

**Ketua Jabatan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar**

**YANG BERUSAHA ENCIK MOHD NAZRIE BIN HASSIM,**

**Pengerusi Minggu Transformasi Siswa (MTS)**

**YANG DIKASIHI SAUDARA FIRDAUS AMEER BIN BADRUL RIZAL,**

**Yang Di-Pertua Jawatankuasa Perwakilan Pelajar merangkap Pengarah Program Minggu Transformasi Siswa**

**Barisan Ketua-Ketua Jabatan,**

**Ketua-Ketua Unit,**

**Barisan Pegawai dan Staf**

**Para Pensyarah,**

**Serta pelajar-pelajar baharu yang saya kasihi sekalian.**

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam Majlis Penutupan Minggu Transformasi Siswa Politeknik Merlimau Melaka bagi sesi I 2026/2027.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan selamat datang kepada semua pelajar-pelajar baharu Politeknik Merlimau Melaka bagi kemasukan sesi I 2026/2027.

Dalam ribuan calon yang memohon, anda adalah insan-insan terpilih yang berjaya memasuki Politeknik Premier Merlimau Melaka ini iaitu sejumlah 1,443 orang pelajar yang berada di Dewan Platinum pada hari ini.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua.

Saya juga difahamkan seramai 133 orang pelajar Asasi dan 1,318 pelajar Diploma yang telah melapor diri sebagai warga baharu PMM bagi sesiambilan kali ini.

## **STATISTIK PECAHAN MENGIKUT JABATAN**

Manakala pecahan mengikut jabatan adalah:

Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) = 411 orang

Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM) = 303 orang

Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA) = 237 orang

Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti (JPH) = 191 orang

Jabatan Perdagangan (JP) = 176 orang

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) = 133 orang  
(Pelajar Asasi Teknologi Kejuruteraan)

## **SAINS VS KSI**

Anak-anak pelajar sekalian,

Ada dalam kalangan anda yang mungkin datang daripada aliran Sains. Ataupun ada yang datang daripada aliran Kemanusiaan, Sastera dan Ikhtisas (KSI).

Namun di sini, di PMM, semua pelajar adalah sama.

Tiada pelajar yang pandai dan tiada pelajar yang kurang pandai. Setiap daripada anda mempunyai potensi, kelebihan dan bakat masing-masing.

Apa sahaja keputusan SPM anda sebelum ini, ia merupakan sebahagian daripada perjalanan hidup anda yang telah berlalu. Di sini, di Politeknik Merlimau Melaka ini, barangsiapa yang rajin

berusaha, siapa yang mempunyai kesungguhan, siapa yang berdisiplin, maka dia akan menempa kejayaan.

Jadikanlah peluang anda belajar di PMM ini sebagai satu permulaan baharu untuk anda membina kejayaan, memperbaiki diri dan mencapai impian masing-masing.

## **KAMSIS**

Suka juga ingin saya menyentuh soal Asrama Pelajar ataupun KAMSIS yang kebelakangan ini nampaknya hangat diperkatakan di media sosial.

Suka ingin saya tegaskan di sini, KAMSIS ini hanyalah kemudahan.

Kami telah berusaha sedaya upaya untuk menyediakan yang terbaik buat pelajar-pelajar baharu. Pihak pengurusan sentiasa mengambil berat aspek kebajikan, keselamatan dan keselesaan pelajar sepanjang berada di PMM.

## **MERITKITA**

Para pelajar yang dikasihi sekalian,

Istimewanya di PMM, dan hanya di PMM kita mempunyai sistem MeritKITA sebagai sebuah “hadiah” dan pengiktirafan terhadap penglibatan aktif anda di sini.

Setelah bergraduasi nanti, sijil MeritKITA ini akan dibawa pulang di samping segulung diploma dan transkrip sebagai nilai tambah untuk ditunjukkan kepada bakal majikan nanti.

Ia membuktikan bahawa anda bukan sahaja mempunyai pencapaian akademik, tetapi turut mempunyai kemahiran insaniah, pengalaman kepimpinan serta penglibatan aktif anda dalam aktiviti sepanjang berada di PMM.

## **#PMMWARRIORS**

Begitu juga dengan #PMMWarriors, ianya bukan sekadar satu slogan yang saja-saja dilaungkan.

lanya menggambarkan semangat kepahlawanan, berani, mempunyai daya juang menerusi semangat “Tuah” yang disemat di dalam dada warga #PMMWarriors ini sendiri.

Jadilah warga PMM yang sentiasa berani mencuba, tidak mudah berputus asa dan sentiasa membawa nama PMM dengan penuh rasa bangga.

## **PENUTUP**

Akhir kata, saya juga ingin menjemput semua pelajar-pelajar baharu ini untuk mengikuti berita-berita terkini menerusi “medsos” kita, di Facebook, Instagram, TikTok mahupun aplikasi Threads.

Gunakanlah saluran ini untuk mendapatkan maklumat terkini berkaitan aktiviti, pencapaian dan perkembangan semasa PMM.

Tahniah juga saya ucapkan kerana berjaya mengharungi Minggu Transformasi Siswa ini dengan jayanya.

Harapan saya agar anda semua menjadi pelajar yang cemerlang, berakhlak dan beradab, menghormati pensyarah dan warga kerja PMM, serta memanfaatkan sebaik-baiknya masa anda selama 3 tahun berada di sini.

Gunakan peluang ini untuk menimba ilmu, membina jati diri dan mencipta kejayaan yang membanggakan.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Penutup Minggu Transformasi Siswa Politeknik Merlimau Melaka bagi sesi I 2026/2027 ini.

Sekian, wabillahitaufiq walhidayah.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.